



**JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA  
(KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)**

Aras 1, 3, 4 & 5, Setia Perkasa 4,  
Kompleks Setia Perkasa,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62530 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA,  
MALAYSIA.

☎ : +603-8000 8000  
🌐 : www.dosh.gov.my  
✉ : projkkp@mohr.gov.my

**Ruj Kami** : JKPP BC 127/789/1 Klt 13 (69)

**Tarikh** : 25 Jun 2024

## Senarai edaran di Lampiran A

Tuan/ Puan,


### **ARAHAN KEPADA PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR (PLB) BAGI ORANG KOMPETEN YANG MERUPAKAN PENYELIA KESELAMATAN TAPAK UNTUK MEMBUAT PENAMBAHBAIKAN SILIBUS KURSUS**

Dengan penuh takzim, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Selaras dengan pemansuhan Akta Kilang dan Jentera 1967 dan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kerja Pembinaan) (Reka Bentuk dan Pengurusan) 2024 atau Peraturan CDM, Jabatan telah membuat penambahbaikan terhadap silibus kursus orang kompeten yang merupakan penyelia keselamatan tapak (SSS) seperti di **Lampiran B**. Silibus baharu ini akan menggantikan Lampiran 1, Garis Panduan Pendaftaran Pusat Pengajar Penyelia Keselamatan Tapak Bina 2011.

3. Semua Penyedia Latihan Berdaftar (PLB) dikehendaki mengemas kini kandungan kursus berdasarkan silibus dan rujukan yang ditetapkan dan menghantar perkara berikut:

- Slaid pembentangan pengajar;
- Pelan pembelajaran;
- Nota peserta; dan
- Soalan penilaian pemahaman peserta,



**ARAHAN KEPADA PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR (PLB) BAGI ORANG KOMPETEN YANG MERUPAKAN PENYELIA KESELAMATAN TAPAK UNTUK MEMBUAT PENAMBAHBAIKAN SILIBUS KURSUS**

kepada Jabatan **sebelum 1 Oktober 2024**. Mana-mana PLB yang gagal mematuhi arahan ini adalah tidak dibenarkan untuk menjalankan kursus selepas tarikh tersebut.

4. Dari tarikh surat arahan ini sehingga 1 Oktober 2024, PLB hendaklah memastikan kehendak Peraturan CDM disampaikan kepada peserta agar peserta maklum dengan kewajipan baharu yang ditetapkan bagi projek dan kerja pembinaan.

5. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, pihak Tuan/ Puan boleh ajukan kepada Ir. Ts. Wan Mohd Fadzil bin Wan Sapiansori di talian 010-2950206 atau e-mail [wmfadzil@mohr.gov.my](mailto:wmfadzil@mohr.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“Pekerja Kesuma Bangsa”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(IR. HJ. MOHD HATTA BIN ZAKARIA)**

Ketua Pengarah,  
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan,  
Kementerian Sumber Manusia.

**ARAHAN KEPADA PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR (PLB) BAGI ORANG  
KOMPETEN YANG MERUPAKAN PENYELIA KESELAMATAN TAPAK UNTUK  
MEMBUAT PENAMBAHBAIKAN SILIBUS KURSUS**

**LAMPIRAN A**

Senarai edaran

1. Timbalan Ketua Pengarah (Keselamatan Pekerjaan)
2. Pengarah Bahagian Dasar Antarabangsa & Pembangunan Penyelidikan (BDAPP)
3. Pengarah Bahagian Keselamatan Tapak Bina (BKTB)
4. Pengarah Bahagian Keselamatan Industri (BKI)
5. Pengarah JKKP Negeri
6. Lembaga Peperiksaan Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
7. Lembaga Peperiksaan Master Builders Association Malaysia (MBAM) bagi kursus Penyelia Keselamatan Tapak Bina
8. Semua Penyedia Latihan Berdaftar bagi kursus Penyelia Keselamatan Tapak

**ARAHAN KEPADA PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR (PLB) BAGI ORANG  
KOMPETEN YANG MERUPAKAN PENYELIA KESELAMATAN TAPAK UNTUK  
MEMBUAT PENAMBAHBAIKAN SILIBUS KURSUS**

**LAMPIRAN B**

Silibus kursus latihan KKP bagi Penyelia Keselamatan Tapak

(Jumlah minimum jam kredit: 80 Jam)

Tajuk	Tempoh	Rujukan
<b>Bahagian 1. Pengenalan</b> (a) Skop dan sifat KKP (b) Alasan moral, perundangan dan kewangan dalam mempromosikan standard yang baik untuk KKP	2 jam	a. Bab 1, <i>Introduction to Health and Safety in Construction, 5th edi. 2016</i>
<b>Bahagian 2. Perundangan</b> (a) Kerangka perundangan KKP Malaysia (b) Tujuan dan pemegang kewajipan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (c) Senarai Peraturan, ICOP dan Garis Panduan (d) Peraturan-Peraturan KKP (Kerja Pembinaan) (Reka bentuk dan Pengurusan) 2024	10 jam	a. Akta 514 dan peraturan-peraturan di bawahnya b. Peraturan CDM, P.U.(A) 147/2024 c. Garis Panduan OSHCIM 2017
<b>Bahagian 3. Sistem pengurusan KKP</b> (a) Perancangan (b) Elemen utama dasar keselamatan dan kesihatan (c) Pengelolaan (d) Faktor manusia dan sikap (e) Pentaksiran risiko dan kawalan (f) Prinsip am pencegahan (g) Faktor yang perlu diambil kira semasa menyediakan sistem kerja selamat (h) Peranan dan fungsi permit untuk kerja (PTW) (g) Pemantauan, penyiasatan dan penyimpanan rekod (h) Audit dan mengkaji semula	10 jam	a. Bab 2 - 6, <i>Introduction to Health and Safety in Construction, 5th edi. 2016</i> b. ISO 45001

**ARAHAN KEPADA PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR (PLB) BAGI ORANG KOMPETEN YANG MERUPAKAN PENYELIA KESELAMATAN TAPAK UNTUK MEMBUAT PENAMBAHBAIKAN SILIBUS KURSUS**

<p><b>Bahagian 4. Keselamatan kerja pembinaan - bahaya dan kawalan</b>                  (a) Penilaian awal tapak                  (b) Langkah kawalan am                  (c) Kemudahan kebajikan                  (d) Pergerakan kenderaan dan loji                  (e) Peralatan kerja                  (f) Keselamatan elektrik                  (g) Keselamatan kebakaran                  (h) Kerja di tempat tinggi                  (i) Kerja pengorekan                  (j) Perobohan                  (k) Kerja mengangkat</p>	<p>35 jam</p>	<p>a. Bab 4 Per. CDM                  b. Bab 8 - 18, <i>Introduction to Health and Safety in Construction, 5th edi. 2016</i>                  c. Garis Panduan KKP (Kerja Pengorekan) 2017                  d. Kerja di tempat tinggi  <a href="https://www.dosh.gov.my/index.php/ms/construction-safety-v/work-at-height">https://www.dosh.gov.my/index.php/ms/construction-safety-v/work-at-height</a>                  e. Kerja mengangkat  <a href="https://www.dosh.gov.my/index.php/ms/construction-safety-v/lifting-works">https://www.dosh.gov.my/index.php/ms/construction-safety-v/lifting-works</a>                  f. Tergelincir dan tersadung  <a href="https://www.dosh.gov.my/index.php/ms/construction-safety-v/slip-and-trips">https://www.dosh.gov.my/index.php/ms/construction-safety-v/slip-and-trips</a>                  g. Keselamatan kenderaan di tapak pembinaan  <a href="https://www.dosh.gov.my/index.php/ms/construction-safety-v/vehicle-safety">https://www.dosh.gov.my/index.php/ms/construction-safety-v/vehicle-safety</a></p>
<p><b>Bahagian 5. Kesihatan kerja pembinaan - bahaya dan kawalan</b>                  (a) Muskuloskeletal                  (b) Bahan kimia dan biologikal                  (c) Kesihatan fizikal dan fisiologikal                  (d) Kerja dalam ruang terkurung</p>	<p>15 jam</p>	<p>a. Modul generik Kesihatan Pekerjaan, OSHMP25                  b. <i>Guidelines for manual handling at workplace 2018</i>  <a href="https://www.dosh.gov.my/index.php/ms/perundangan/garis-panduan/ergonomik/2960-guidelines-for-manual-handling-at-workplace-2018-1/file">https://www.dosh.gov.my/index.php/ms/perundangan/garis-panduan/ergonomik/2960-guidelines-for-manual-handling-at-workplace-2018-1/file</a>                  c. <i>Guidelines on Occupational Vibration 2003</i>  <a href="https://www.dosh.gov.my/index.php/ms/perundangan/garis-panduan/ergonomik/681-01-garis-panduan-bagi-pekerjaan-melibatkan-getaran-2003/file">https://www.dosh.gov.my/index.php/ms/perundangan/garis-panduan/ergonomik/681-01-garis-panduan-bagi-pekerjaan-melibatkan-getaran-2003/file</a></p>
<p><b>Bahagian 6. Praktikal</b>                  (a) Lawatan tapak                  (b) Penyediaan pentaksiran risiko dan kawalan</p>	<p>8 jam</p>	

